



$1\frac{1}{4}$ jam

JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU

PEPERIKSAAN PERCUBAAN 2008
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan.
4. Penggunaan kalkulator saintifik yang **tidak** boleh diprogramkan adalah dibenarkan.

Kertas soalan ini mengandungi 17 halaman bercetak

- 1 Adalah menjadi amalan kilang Mewah Indah Sdn. Bhd. untuk menetapkan peruntukan susut nilai 10% setahun atas kos bagi loji kilangnya . Amalan ini berasaskan
- A prinsip catatan bergu.
 - B prinsip ketekalan.
 - C prinsip materialiti.
 - D prinsip berterusan.
- 2 Antara berikut, yang manakah **benar** mengenai liabiliti?
- A Akaun liabiliti mempunyai baki debit.
 - B Akaun liabiliti dikreditkan apabila liabiliti berkurang.
 - C Baki liabiliti pada akhir tahun kewangan perniagaan dipindahkan ke Penyata Pendapatan.
 - D Baki liabiliti pada akhir tahun kewangan ditunjukkan dalam Kunci Kira-kira.
- 3 Sabree Hidayah Enterprise memulangkan 30 bungkus makanan ternakan yang rosak kepada pembekal. Apakah dokumen yang diterima daripada pembekal untuk menunjukkan pemulangan barang tersebut?
- A Nota Debit
 - B Nota Kredit
 - C Resit
 - D Invois
- 4 Antara urusan niaga berikut, yang manakah akan direkodkan dalam Buku Tunai?
- I Jualan perabot lama secara tunai bernilai RM170 kepada Puan Fawziyah.
 - II Belian barang niaga secara kredit daripada Perniagaan Amin RM2 000.
 - III Belian alat pejabat RM300 dengan cek.
 - IV Ambilan tunai dari bank perniagaan untuk kegunaan peribadi RM500.
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

5

Tarikh	:	20 Mei 2008												
Penerima	:	Hafiz Enterprise												
Kerana	:	Kegunaan tunai perniagaan												
		<table border="1"> <thead> <tr> <th>RM</th> <th>Sen</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Baki terakhir</td> <td>12 500 00</td> </tr> <tr> <td>Dimasukkan</td> <td>- -</td> </tr> <tr> <td>Jumlah</td> <td>12 500 00</td> </tr> <tr> <td>Cek ini</td> <td>460 00</td> </tr> <tr> <td>Baki</td> <td>12 040 00</td> </tr> </tbody> </table>	RM	Sen	Baki terakhir	12 500 00	Dimasukkan	- -	Jumlah	12 500 00	Cek ini	460 00	Baki	12 040 00
RM	Sen													
Baki terakhir	12 500 00													
Dimasukkan	- -													
Jumlah	12 500 00													
Cek ini	460 00													
Baki	12 040 00													
No.:145608														

Keratan cek

Dokumen 1

Berdasarkan dokumen 1, catatan bergu yang dilakukan oleh Hafiz Enterprise ialah

	Debit	Kredit
A	Akaun Bank	Akaun Tunai
B	Akaun Tunai	Akaun Bank
C	Akaun Bank	Akaun Hafiz Enterprise
D	Akaun Hafiz Enterprise	Akaun Tunai

6 Gaji terakru pada akhir tempoh perakaunan ditunjukkan dalam Kunci Kira-kira sebagai

- A Aset semasa
- B Aset bukan semasa
- C Liabiliti semasa
- D Liabiliti bukan semasa

- 7 Kedai Nor Fatin menjual barang niaga secara kredit pada harga senarai RM850 kepada Kasma dan diskaun niaga sebanyak 5% dibenarkan. Berapakah hutang Kasma?
- A RM892.50
B RM850.00
C RM807.50
D RM765.00

- 8 Antara urus niaga berikut yang manakah mematuhi prinsip Sistem Catatan Bergu?

	Urus niaga	Akaun didebit	Akaun dikredit
I	Beli barang niaga RM1 200 daripada Kedai Fadlin secara kredit	Stok RM1 200	Kedai Fadlin RM1 200
II	Ambil tunai perniagaan RM130 untuk kegunaan peribadi	Ambilan RM130	Tunai RM130
III	Membayar Pembekal Mazli RM800 dengan cek	Pembekal Mazli RM800	Bank RM800
IV	Menjelaskan kadar bayaran RM210 dengan tunai	Kadar bayaran RM210	Tunai RM210

- A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV
- 9 Kunci Kira-kira yang disediakan pada akhir tempoh perakaunan sesebuah perniagaan menunjukkan
- A jenis perniagaan yang dijalankan.
B maklumat tentang pemilik perniagaan.
C kedudukan kewangan perniagaan.
D untung atau rugi perniagaan.

- 10 Encik Munzir telah melabur RM10 000 ke dalam perniagaannya pada 1 Julai 2007. Bagi tahun berakhir 30 Jun 2008, untung bersih perniagaan tersebut ialah RM4 700 dan ambilan dalam tahun tersebut ialah RM200. Berapakah jumlah modal pada 30 Jun 2008 yang ditunjukkan dalam Kunci Kira-kira?
- A RM10 200
 - B RM14 500
 - C RM14 700
 - D RM14 900

- 11 Data 1 berikut diperoleh daripada Akaun Semasa Syazwani.

	RM
Baki pada 1 Januari 2007	520
Faedah atas modal	840
Ambilan	1 200
Faedah atas ambilan	60
Kongsi untung	2 400

Data 1

Berapakah baki akhir akaun tersebut?

- A RM3 700
 - B RM2 500
 - C RM1 580
 - D RM1 460
- 12 Petikan Akaun Pengasingan Untung Rugi berikut diperoleh daripada perkongsian Iqil dan Iqrim. Mereka bersetuju membahagikan untung atau rugi mengikut nisbah 2:1.

Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2008

	RM		RM
Faedah atas modal:		Untung bersih	21 500
Iqil	3 500		
Iqrim	3 000		
Kongsi untung:			
Iqil	?		
Iqrim	?		

Berapakah untung yang Iqil peroleh?

- A RM5 000
- B RM10 000
- C RM15 000
- D RM21 500

13 Pilih susunan yang betul tentang perekodan pembubaran perkongsian.

- I Membayar belanja realisasi.
- II Menutup dan mengimbang Akaun Realisasi.
- III Menutup dan memindahkan semua aset (kecuali bank) ke Akaun Realisasi.
- IV Merekod penerimaan daripada jualan aset dan bayaran daripada penghutang.

- A I, II, III, IV
- B II, III, IV, I
- C III, IV, I, II
- D IV, I, II, III

14 Jumlah aset sebuah perkongsian ialah RM45 000 dan jumlah liabilitinya ialah RM5 500. Dalam proses realisasi, semua aset direalis sebanyak RM38 000. Belanja realisasi berjumlah RM400.

Hitungkan rugi realisasi.

- A RM7 000
- B RM7 400
- C RM12 500
- D RM12 900

15 Apakah catatan bergu untuk aset yang diambil alih oleh pekongsi semasa pembubaran?

	Debit	Kredit
A	Akaun Modal Pekongsi	Akaun Realisasi
B	Akaun Realisasi	Akaun Modal Pekongsi
C	Akaun Modal	Akaun Bank
D	Akaun Bank	Akaun Realisasi

16 Apakah tujuan utama kelab dan persatuan ditubuhkan?

- I Mencari keuntungan
- II Mengadakan kegiatan sosial
- III Menyediakan kemudahan rekreasi dan sukan
- IV Menjaga kebajikan ahli

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

17 Kelab Silat telah mengadakan satu pertunjukan silat untuk mengutip derma bagi menambatkan tabung kelab. Pertunjukan tersebut telah berjaya mengumpul sebanyak RM6 156 daripada pengunjung yang datang.

Pilih catatan yang tepat dalam petikan Penyata Kewangan.

Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan							
A	<table border="1"> <tr> <td></td> <td style="text-align: right;">RM</td> </tr> <tr> <td>Derma</td> <td style="text-align: right;">6 156</td> </tr> </table>		RM	Derma	6 156		
	RM						
Derma	6 156						
B	<table border="1"> <tr> <th colspan="2">Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan</th> </tr> <tr> <td></td> <td style="text-align: right;">RM</td> </tr> <tr> <td>Derma</td> <td style="text-align: right;">6 156</td> </tr> </table>	Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan			RM	Derma	6 156
Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan							
	RM						
Derma	6 156						
C	<table border="1"> <tr> <th colspan="2">Akaun Perdagangan</th> </tr> <tr> <td></td> <td style="text-align: right;">RM</td> </tr> <tr> <td>Derma</td> <td style="text-align: right;">6 156</td> </tr> </table>	Akaun Perdagangan			RM	Derma	6 156
Akaun Perdagangan							
	RM						
Derma	6 156						
D	<table border="1"> <tr> <th colspan="2">Akaun Perdagangan</th> </tr> <tr> <td></td> <td style="text-align: right;">RM</td> </tr> <tr> <td>Derma</td> <td style="text-align: right;">6 156</td> </tr> </table>	Akaun Perdagangan			RM	Derma	6 156
Akaun Perdagangan							
	RM						
Derma	6 156						

- 18 Kelab Hoki Terengganu mempunyai 100 orang ahli. Pada 1 Januari 2007, baki-baki berikut diperoleh daripada buku kelab.

	RM
Yuran tertunggak	511
Yuran terdahulu	309

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2007, kelab ini menerima yuran sebanyak RM5 325.

Jumlah ini termasuk RM135 yang diterima untuk tahun 2008.

Berapakah jumlah yuran yang sepatutnya diterima untuk tahun 2007?

- A RM4 988
- B RM5 258
- C RM5 392
- D RM6 010
- 19 Dokumen perniagaan yang digunakan bagi merekod pembayaran tunai runcit ialah
- A bil tunai runcit
- B resit tunai runcit
- C baucar tunai runcit
- D Slip pembayaran runcit
- 20 Perbelanjaan berikut diambil dari Buku Tunai Runcit Perniagaan Sumirah pada bulan Mei 2008.

	RM
Pensil dan pemadam	20
Surat khabar dan majalah	65
Kertas fotostat	42
Dakwat	36
Belanja membaiki komputer	54
Bayaran tol	25
Upah mencuci pejabat	30

Berapakah jumlah perbelanjaan yang direkod di ruangan analisis “Belanja pejabat” dalam Buku Tunai Runcit?

- A RM247
- B RM173
- C RM149
- D RM84

21 Antara berikut adalah kebaikan menggunakan Buku Tunai Runcit **kecuali**

- A Dapat mengurangkan risiko berlakunya penyelewengan dan penipuan.
- B Dapat mengelakkan urusan merekod belanja kecil-kecilan dengan banyak dalam Buku Tunai.
- C Dapat mengelakkan penggunaan cek untuk pembayaran belanja yang kecil-kecilan
- D Beban dan tanggungjawab mengurus kewangan dapat diagihkan.

22 Belanjawan tunai menunjukkan

- A kedudukan kewangan perniagaan pada suatu tempoh perakaunan.
- B prestasi perniagaan dalam satu tempoh perakaunan tertentu.
- C Pendapatan dan perbelanjaan sesebuah perniagaan.
- D Anggaran penerimaan dan pembayaran bagi satu tempoh tertentu.

23 Antara berikut, yang manakah dicatat sebagai aliran keluar dalam Penyata Belanjawan Tunai?

- A Belanja susut nilai
- B Pinjaman daripada bank
- C Pembayaran oleh penghutang
- D Pembayaran kepada pemiutang

24 Data 2 merupakan anggaran jualan Hijrah Enterprise untuk tiga bulan.

Bulan	Anggaran jualan RM
Jun	30 000
Julai	36 000
Ogos	41 000

Data 2

Jualan tunai adalah 70% daripada jumlah jualan setiap bulan.

Hitungkan anggaran tunai yang akan diterima daripada penghutang pada bulan Ogos.

- A RM41 000
- B RM28 700
- C RM12 300
- D RM10 800

25 Pilih pernyataan yang **benar** mengenai Penyata Penyesuaian Bank.

- A Penyata yang disediakan oleh pihak bank untuk menyelaraskan baki Buku Tunai dengan baki Penyata Bank.
- B Penyata yang disediakan oleh peniaga untuk menyelaraskan baki Buku Tunai dan baki Penyata Bank.
- C Penyata yang disediakan untuk memastikan ketepatan dan kesahan rekod dalam penyata supaya sebarang kesilapan dapat diperbetulkan.
- D Penyata yang disediakan untuk menentukan jumlah tunai sebenar yang terdapat dalam perniagaan..

26 Pada 31 Julai 2008, Buku Tunai Kraf Tekun menunjukkan baki debit RM1 420 yang berbeza dengan baki Penyata Bank. Perbezaan tersebut disebabkan oleh butir berikut yang tidak dicatat dalam Buku Tunai:

	RM
Pindahan kredit – Dividen	360
Caj bank	45

Hitungkan baki Penyata Bank pada 31 Julai 2008.

- A RM1 825
- B RM1 735
- C RM1 105
- D RM1 015

- 27 Catatan kontra dalam Akaun Kawalan berlaku apabila
- A perniagaan terlebih bayar hutangnya kepada pemiutang.
 - B perniagaan memulangkan barang yang rosak kepada pembekal.
 - C perniagaan mengenakan caj angkutan kepada pelanggan.
 - D perniagaan membeli dan menjual barang kepada pihak yang sama.
- 28 Akaun Penghutang biasanya berbaki debit kerana ia menunjukkan aset kepada perniagaan. Walau bagaimanapun, ada masanya akaun penghutang berbaki kredit. Dalam keadaan bagaimanakah ini berlaku?
- I Penghutang terlebih bayar kepada perniagaan.
 - II Penghutang dikenakan caj angkutan ke atas barang yang dibeli.
 - III Penghutang membuat pulangan barang selepas semua hutang dijelaskan.
 - IV Penghutang dikenakan caj tambahan kerana invois terkurang catat.
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
- 29 Antara kesilapan berikut, yang manakah perlu diperbetulkan menggunakan Jurnal Am?
- I Kesilapan ketinggalan salah satu catatan.
 - II Kesilapan ketinggalan catatan satu urusan niaga.
 - III Kesilapan prinsip.
 - IV Kesilapan terbalik.
- A I, II dan III
 - B I, III dan IV
 - C I, II dan IV
 - D II, III dan IV

- 30 Belanja membaiki kenderaan RM800 dengan cek tersilap rekod ke Akaun Kenderaan. Bagaimanakah kesilapan ini diperbetulkan dalam Jurnal Am?

	Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
A	Kenderaan Bank	800	800
B	Belanja membaiki kenderaan Kenderaan	800	800
C	Kenderaan Belanja membaiki kenderaan	800	800
D	Belanja membaiki kenderaan Bank	800	800

- 31 Puan Nadhirah, pemilik Kedai Runcit Irah menyimpan rekod perakaunan tidak mengikut Sistem Catatan Bergu.

Berikut adalah aset dan liabiliti perniagaannya pada 31 Julai 2008:

	RM
Perabot	15 000
Stok	10 550
Penghutang	7 620
Pemiutang	5 400
Insurans terdahulu	80
Maklumat tambahan:	
Perabot disusutnilaikan 10% setahun pada kos.	

Hitung modal pada 31 Julai 2008.

- A RM23 410
B RM23 250
C RM26 350
D RM27 690

32 Data 3 diperoleh daripada buku Perniagaan Syafiq yang mengamalkan rekod tak lengkap.

	RM
Ambilan	750
Modal Tambahan	2 500
Modal Awal	12 680
Modal Akhir	16 800

Data 3

Hitung untung atau rugi bersih perniagaan tersebut.

- A Untung bersih RM2 370
 - B Rugi bersih RM2 370
 - C Untung bersih RM5 870
 - D Rugi bersih RM5 870
- 33 Apakah kelemahan sistem catatan tunggal?
- I Akaun Penamat tidak dapat disediakan.
 - II Kesilapan catatan sukar untuk dikesan.
 - III Untung atau rugi perniagaan tidak dapat ditentukan.
 - IV imbangan Duga tidak dapat disediakan.
- A I, II dan III
 - B I, III dan IV
 - C I, II dan IV
 - D II, III dan IV
- 34 Maklumat berikut boleh didapati daripada analisis Buku Tunai **kecuali**
- A Belian dan jualan barang niaga secara tunai.
 - B Kutipan daripada penghutang.
 - C Bayaran kepada pemiutang.
 - D Belian aset bukan semasa secara kredit.

35 Data 4 diambil daripada Kilang Nirwana Sdn. Bhd.

	RM
Kos bahan mentah	65 900
Kos buruh langsung	22 000
Kos overhead	11 600
Kerja dalam proses awal	4 500
Kerja dalam proses akhir	5 200

Data 4

Hitungkan kos pengeluaran.

- A RM98 800
- B RM99 500
- C RM100 200
- D RM109 200

36 Kos prima terdiri daripada komponen

- I kos buruh tak langsung
- II kos buruh langsung
- III kos bahan mentah
- IV kos overhead

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D II dan IV

- 37 Data 5 diperoleh daripada buku-buku Perniagaan Andika yang mengusahakan pengeluaran kerepek


	RM
Stok bahan mentah 1 Julai 2007	6 670
Belian bahan mentah	44 500
Pulangan belian bahan mentah	3 500
Stok bahan mentah 30 Jun 2008	3 540

Data 5

Hitung kos bahan mentah digunakan bagi tahun berakhir 30 Jun 2008.

- A RM44 130
- B RM44 870
- C RM51 210
- D RM58 210

- 38 Berdasarkan Rajah 1, di manakah letaknya Titik Pulang Modal?



Rajah 1

39 Data 6 diambil daripada buku Perniagaan Aiman.

Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2007	
	RM
Jualan	40 000
Tolak: Kos jualan	28 000
Untung kasar	12 000
Tolak: Belanja operasi	4 000
Untung bersih	8 000

Data 6

Hitung margin untung kasar.

- A 20.0%
- B 28.6%
- C 30.0%
- D 42.9%

40 Maklumat berikut diperolehi daripada Syarikat Mimmy dan Syarikat Liyani yang mengusahakan barangan kraftangan.

	Syarikat Mimmy	Syarikat Liyani
Kadar pusing ganti stok	3 kali	6 kali

Antara berikut, manakah yang **benar** tentang pengurusan stok kedua-dua syarikat tersebut?

- I Jualan stok Syarikat Liyani lebih laris berbanding Syarikat Mimmy.
- II Pengurusan stok Syarikat Liyani lebih cekap daripada Syarikat Mimmy.
- III Syarikat Liyani menanggung kos menyimpan stok yang lebih tinggi daripada Syarikat Mimmy.
- IV Syarikat Mimmy menukar stok setiap 3 bulan sekali manakala Syarikat Liyani menukar stok setiap 6 bulan sekali.

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

KERTAS SOALAN TAMAT